

05/04/1999

Insentif cukai untuk industri aeroangkasa

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan sedang mengkaji beberapa insentif cukai bagi membangunkan industri aeroangkasa negara, termasuk kemungkinan menghapuskan duti import bagi alat ganti pesawat.

Selain itu, beberapa insentif lain yang sedang dikaji termasuk memudahkan kemasukan tenaga pakar asing dalam bidang aeroangkasa, mewujudkan latihan ekspatriat, meningkatkan tempoh pegangan tanah dan menghapuskan cukai ke atas pengimport pihak ketiga.

Kajian itu dijalankan oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) selaras pelaksanaan Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Kebangsaan.

Sumber MIGHT memberitahu, mesyuarat Kumpulan Kerja Gugusan Aeroangkasa MITI yang bermesyuarat kira-kira dua minggu lalu, memutuskan untuk melaksanakan kajian terhadap insentif cukai bagi sektor aeroangkasa negara.

"Kajian menyeluruh itu dijangka disiapkan menjelang pertengahan tahun ini serta dibentangkan pada mesyuarat pertama Majlis Aeroangkasa Malaysia (MAC) yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada Berita Harian di sini.

Sumber itu berkata, salah satu aspek penting yang akan diberi penekanan ialah tempoh pegangan tanah bagi industri aeroangkasa di negara ini, yang pada masa ini ditetapkan lima tahun saja.

"Jika boleh, kita mahu meluaskan tempoh itu kepada sekurang-kurangnya 60 tahun, kerana ia akan memberi keyakinan kepada syarikat antarabangsa melabur di negara ini," katanya sambil berkata langkah itu akan memberi petanda positif kepada projek taman aeroangkasa di Subang serta kawasan lain.

Menurut sumber itu, penekanan juga perlu diberikan kepada pembangunan industri sokongan khususnya yang dipelopori syarikat `pihak ketiga' yang membawa masuk alat ganti dan peralatan canggih.

Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Kebangsaan menyenaraikan 45 cadangan serta strategi khusus ke arah mencapai matlamat mewujudkan industri aeroangkasa berwibawa menjelang 2015.

Dilancarkan ketika Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1997 (Lima 97), ia antara lain merangkumi cadangan penubuhan Majlis Aeroangkasa Kebangsaan dan Agensi Pentadbiran Angkasa Malaysia (MASA), serta peningkatan taraf Jabatan Penerbangan Awam (DCA) kepada Lembaga Penerbangan Malaysia (MAA).

(END)